

Kepentingan sektor penjagaan kesihatan

RANCANGAN Malaysia Ke-10 (RMK-10) telah mengenal pasti cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh sektor penjagaan kesihatan dalam memacu pembangunan negara. Sehubungan ini, di tahun akhir pelaksanaan RMK-10, adakah cabaran-cabaran ini masih menjadi isu yang perlu dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan?

Berdasarkan perangkaan terkini, perkhidmatan kesihatan awam masih menjadi pilihan utama rakyat. Secara kasarnya, hampir 70 peratus daripada jumlah kes kemasukan ke hospital pada tahun 2013 dikendalikan oleh hospital awam. Pastinya kos rawatan hospital swasta yang agak tinggi menjadi faktor utama kebergantungan kepada perkhidmatan hospital awam. Ini secara langsung memerlukan perbelanjaan yang tinggi oleh kerajaan. Buktinya, peruntukan tahunan yang sentiasa meningkat untuk sektor kesihatan yang secara kasarnya mencecah 5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, lebih tinggi daripada sesetengah negara jiran.

Tambahan pula, kadar penggunaan insurans kesihatan masih agak rendah dalam kalangan rakyat. Untuk tahun 2011, hanya 14 peratus daripada perbelanjaan kesihatan di hospital swasta dijelaskan dengan insurans kesihatan. Situasi ini yang sekiranya tidak ditangani dengan berkesan mungkin akan mengakibatkan kesan lebih besar. Ini kerana kos rawatan di hospital swasta dijangka akan terus meningkat akibat daripada peningkatan yuran perundingan doktor hasil daripada pindaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 pada hujung 2013, serta kos cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang ditanggung oleh pihak hospital yang mungkin akan dipindahkan kepada pengguna.

Pada masa yang sama, peningkatan golongan yang berumur ser-

RANDAU INDUSTRI

Mohd. Khairudin Lamsah



ta penyakit berkaitan gaya hidup akan hanya menyebabkan permintaan terhadap khidmat penjagaan kesihatan terus meningkat dan memberikan tekanan kepada pengurusan perbelanjaan kesihatan negara.

Lantaran daripada itu, langkah drastik perlu diambil untuk mengelakkan situasi ini menjadi tidak terkawal. Cadangan transformasi ke atas perkhidmatan penjagaan kesihatan yang digembargemburkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini perlu diperhalusi. Pandangan setiap pihak yang berkepentingan perlulah diambil kira. Namun begitu, agak sukar untuk menilai sama ada pelan transformasi ini mampu menjadi jawapan kepada permasalahan ini memandangkan butir-butir pelan ini masih lagi agak kabur.

Walau bagaimanapun, tanpa pelan transformasi ini, masih ada beberapa pendekatan fiskal yang boleh diambil oleh kerajaan antaranya dengan menambahkan aman pelepasan cukai untuk insurans kesihatan dan pendidikan. Ini adalah bagi menggalakkan penggunaan khidmat penjagaan kesihatan swasta dan mengurangkan kebergantungan kepada hospital awam. Kali terakhir relif ini dinaikkan ialah pada tahun 2000 daripada RM2,000 kepada RM3,000.

Sementara itu, cadangan seterusnya adalah dengan memberikan relif cukai kepada anak yang menanggung insurans kesihatan ibu bapa mereka. Memandangkan golongan tua merupakan antara pengguna utama khidmat penjagaan kesihatan, relif ini dapat membantu mengurangkan beban

kewangan rakyat serta menggalakkan penggunaan khidmat hospital swasta. Relif yang sedia ada, iaitu RM5,000 tidak termasuk kos insurans kesihatan ibu bapa.

Selain itu, potongan cukai dua kali untuk perbelanjaan mendapatkan akreditasi antarabangsa (misalnya Suruhanjaya Bersama Antarabangsa) juga boleh diambil kira. Insentif seperti ini dapat membantu perniagaan untuk bersaing dengan lebih kompetitif dengan pesaing dari negara-negara jiran dalam industri pelancongan perubatan.

Seterusnya, melanjutkan tempoh insentif kepada hospital yang melakukan perbelanjaan modal untuk projek yang berkelayakan (misalnya kemudahan hospital baharu ataupun pembesaran, pemodenan dan baik pulih kemudahan sedia ada). Insentif ini yang akan tamat pada tahun 2014 wajar dilanjutkan untuk membantu daya saing perniagaan tempatan dalam industri pelancongan perubatan.

Tema Bajet 2015, Meningkatkan Pertumbuhan, Memastikan Kemampunan Fiskal dan Memakmurkan Rakyat begitu bertepatan dengan faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh pihak Kerajaan dalam menggubal polisi dalam usaha mencapai tahap perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi pada kos yang berpatutan. Walaupun ia bukanlah satu tugas yang mudah, diharap pengumuman yang bakal dilakukan oleh Menteri Kewangan pada 10 Oktober nanti, memberikan pendekatan seimbang terhadap setiap pihak yang berkepentingan terutamanya rakyat, perniagaan serta kerajaan itu sendiri, selari dengan tema Bajet 2015.

PENULIS adalah Jururunding Urusan di Jabatan Teknikal dan Penyelidikan Percutian PwC Taxation Services Malaysia